

ISLAMIC CHINA A-SHARES FUND

OKTOBER 2024

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 30 SEPTEMBER 2024
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA

MAKLUMAT DANA

Tarikh Pelancaran: 13 September 2021

Kategori Dana/Jenis Dana:
Ekuiti (patuh Syariah) / Pertumbuhan

Saiz Dana: RM65,773,116.62

Harga Tawaran Permulaan: RM0.5000

NAB per Unit: RM0.3160

Skim Pelaburan KWSP: Tiada

No ISIN: MYU0100A1615

FI, CAJ AND PERBELANJAAN

Fi Pengurusan Tahunan:
Sehingga 1.80% daripada NAB setahun

Fi Tahunan Pemegang Amanah:
Sehingga 0.065% daripada NAB Dana setahun,
tertakluk kepada minimum RM15,000 setahun
(tidak termasuk yuran dan caj penjagaan asing)

Caj Jualan:
Sehingga 5.50% daripada NAB seunit

Caj Jualan Balik: Tiada

Tempoh Pembayaran Jualan Balik:
Tujuh (7) hari bekerja

BUTIRAN TRANSAKSI

Pelaburan Permulaan Minimum:
Jumlah sekaligus: RM1000*
Pelaburan berkala: RM100*

Pelaburan Tambahan Minimum:
Jumlah sekaligus & Pelaburan berkala: RM100*
* Pengurus berhak untuk meminda jumlah minimum
yang ditetapkan di atas dari semasa ke semasa

PENGAGIHAN

Polisi Agihan Pendapatan:
Pengagihan pendapatan, jika ada, adalah secara
sampingan, selepas ditolak cukai dan perbelanjaan

NAB Dana:	NAB	Tarikh
52-Minggu Tinggi	0.3274	06-05-2024
52-Minggu Rendah	0.2627	23-09-2024

PENGURUS DANA


Pengurus Pelaburan Luar
- Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Eastspring Investments Berhad 200001028634 (531241-U)
Level 22, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur
Tel: 603 - 2778 3888
E-mail: cs.my@eastspring.com
Web: www.eastspring.com/my

OBJEKTIF DANA

Dana ini bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan peningkatan modal jangka panjang.

PERUNTUKAN ASET*



1. Perindustrian	45.22%	6. Pengguna Bukan Keperluan	5.45%
2. Pengguna barangan	11.96%	7. Dana Dagangan Bursa	3.76%
3. Teknologi	11.51%	8. Utiliti	2.75%
4. Tunai & setara tunai	10.66%	9. Pengguna Asasi	1.20%
5. Penjagaan kesihatan	7.49%		

* sebagai peratusan NAB.


PEGANGAN UTAMA*

1. Contemporary Amperex Technology Co., Limited	10.16%	4. Midea Group Co., Limited	5.45%
2. BYD Co Ltd	6.36%	5. Sungrow Power Supply Co., Limited	5.20%
3. Fuyao Glass Industry Group Co., Limited	5.60%		

* sebagai peratusan NAB.

PRESTASI DANA

Eastspring Investments Islamic China A-Shares Fund - Pulangan Sejak Dimulakan (SI) berbanding Penanda Aras



Prestasi dikira berdasarkan NAB-ke-NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula.

Sumber: Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

ISLAMIC CHINA A-SHARES FUND

OKTOBER 2024

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 30 SEPTEMBER 2024
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA

JADUAL PRESTASI

	1 bulan	6 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Sejak Permulaan
Dana	15.67%	1.80%	5.30%	-2.08%	n.a.	n.a.	n.a.	-36.80%
Penanda aras *	17.36%	3.39%	3.92%	-2.73%	n.a.	n.a.	n.a.	-38.60%
Kedudukan Lipper	1 of 4	2 of 4	1 of 4	2 of 4	3 of 3	n.a.	n.a.	n.a.

Kategori Dana Lipper: Equity China MYR & Islamic

* Dow Jones Islamic Market China A 100 Index

Prestasi dana dan kedudukan Lipper diperoleh daripada Lipper for Investment Management dan penanda aras adalah daripada www.spindices.com, 30 September 2024. Prestasi dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") kepada asas NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

ULASAN PENGURUS DANA

Pasaran Greater China meningkat kukuh pada September berikutan pengumuman kombo dasar di China yang melangkaui jangkaan pasaran sekaligus memberi isyarat bahawa peralihan dasar ekonomi dan pasaran China yang sekian lama ditunggu-tunggu kini tiba. Pelancaran intensif rangsangan China minggu lalu telah menghantar/membawa CSI 300 dan HSI ke tahap tertinggi bagi tahun 2024. Pada 26 September, mesyuarat politburo China yang mengejut secara jelas menggesa kepada rangsangan yang lebih kuat. Mesyuarat politburo diadakan dua hari selepas PBoC, CSRC dan CBIRC mengumumkan kombo rangsangan yang melangkaui jangkaan pada 24 September. Rangsangan yang luar dari kebiasaan ini turut mengumumkan pelbagai langkah rangsangan yang menandakan pelonggaran PBoC yang paling komprehensif sejak 2015, termasuk pemotongan kadar faedah dan kemudahan pinjaman ke atas pembelian dan pembelian balik ekuiti. Mesyuarat itu menggesa pelarasan dasar fiskal/ monetari untuk memastikan perbelanjaan fiskal yang diperlukan dengan langkah-langkah berkaitan termasuk CGB khas ultra panjang, RRR yang lebih rendah dan pemotongan kadar yang memberi makna.

PBOC dengan pantas melaksanakan pemotongan RRR 50 mata asas dan pemotongan kadar dasar 20 mata asas pada 27 September. Peningkatan berterusan apabila pemimpin tertinggi China juga mengadakan mesyuarat Politburo mengejut yang menggesa pelarasan dasar fiskal/ monetari yang lebih kukuh untuk memastikan perbelanjaan fiskal yang diperlukan berserta langkah-langkah berkaitan termasuk bon khas kerajaan pusat ultra panjang, nisbah keperluan rizab yang lebih rendah (RRR), dan pemotongan kadar yang bermakna. Penekanan juga diberikan kepada: 1) menstabilkan pasaran hartanah, 2) membimbing pelabur ekuiti untuk berfikir/ bertindak menurut jangka panjang. Bukan sahaja pemasaran mesyuarat yang luar biasa malah langkah dasar yang cukup berani dan terselaras berbanding dengan yang telah berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pemasaran khas mesyuarat Politburo tidak seperti mesyuarat Politburo biasa pada September, dengan tumpuan mesyuarat ini tertumpu sepenuhnya pada isu-isu ekonomi, yang biasanya dikhaskan untuk perhimpunan di bulan April, Julai dan Disember, dan menjurus kepada gesaan yang kuat untuk menghentikan kelembapan pertumbuhan yang semakin teruk dan penurunan harga aset. Kerajaan juga mengutarakan penstabilan pasaran hartanah buat pertama kalinya. Dalam memo mesyuarat itu, Beijing berikrar untuk memperhebat dasar fiskal lawan kitaran dan dasar kewangan, menaikkan pendapatan bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana, serta bekerja keras untuk menggiatkan semula pasaran modal. Buat julung kali, Politburo telah berjanji untuk menghalang kemerosotan pasaran hartanah.

Data ekonomi menjelang akhir suku tahun berkaitan masih lemah. PMI pembuatan rasmi menambah baik sebanyak 0.7 mata kepada 49.8 tetapi masih menandakan penguncupan bulan kelima berturut-turut. PMI sektor bukan perkilangan juga berterusan rendah apabila ia jatuh 0.3 mata kepada 50.0 di bulan September, paras terendah sejak Januari 2023. Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market meningkat 19.71% dari segi USD pada September. MSCI China melonjak 23.50%, indeks Hang Seng Hong Kong menokok 17.99% manakala Shanghai Shenzhen 300 meningkat 22.24% dalam terma USD manakala pasaran saham Taiwan tidak berubah pada 0.73% di bulan tersebut.

Pada bulan ini, Dana menokok sebanyak 15.67%, tidak mengatasi prestasi penanda aras dengan kekurangan 169 mata asas. Penjejas utama ialah seretan tunai berserta kedudukan sifar dalam saham tertentu yang memberikan prestasi mengatasi pasaran lebih meluas berikutan kenaikannya kukuh susulan pengumuman dasar yang melangkaui jangkaan pasaran.

MAKLUMAT LAIN MENGENAI DANA

Tahun	2022	2023
Prestasi Tahunan Dana (%)	-27.32	-19.54
Prestasi Tahunan Penanda Aras (%)	-29.37	-18.13
Tarikh/Agihan (RM)	-	-
Hasil Agihan (%)	-	-

Sumber: Agihan dan Hasil Agihan diperoleh daripada Laporan Tahunan dana. Dana dan Penanda Aras bagi tahun semasa adalah berdasarkan angka Sejak Awal Tahun Sehingga Kini (YTD) yang diperoleh daripada Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

MAKLUMAT PENTING

Pelabur dinasihatkan membaca dan memahami kandungan Eastspring Investments Islamic China A-Shares Fund ("Dana") Prospectus bertarikh 13 September 2021, First Supplementary Prospectus Dana bertarikh 1 Ogos 2022, Second Supplementary Prospectus Dana bertarikh 2 Februari 2024 (secara kolektif, "Prospektus") serta Product Highlights Sheet ("PHS") Dana sebelum melabur. Prospektus dan PHS boleh didapati di pejabat Eastspring Investments Berhad atau penganjur sahnya dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan Prospektus dan PHS.

Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Prospektus telah didaftarkan dengan SC yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesahkan atau mengendors produk tersebut. Unit hanya akan dikeluarkan setelah menerima borang permohonan yang disertakan dengan Prospektus. Prestasi lampau Dana bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan Dana. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Apabila pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa susulan pengeluaran unit tambahan/agihan, Nilai Aset Bersih ("NAB") seunit akan dikurangkan daripada NAB pra-pecahan unit/merangkap NAB agihan kepada NAB pasca-pecahan unit/NAB selepas pengagihan. Apabila pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas terbitan unit tambahan. Pelaburan dalam Dana terdedah kepada risiko skim pelaburan kolektif Islamik, risiko ekuiti, risiko negara tunggal, risiko mata wang, risiko rakan niaga dan risiko pengelasan semula status Syariah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko ini dan risiko am lain seperti yang diuraikan dalam Prospektus serta yuran, caj dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga mungkin ingin mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

Eastspring Investments ("Eastspring") ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: 1 Angel Court, London EC2R 7AG. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah syarikat induk, dengan beberapa anak syarikatnya diberi kuasa dan dikawal, mengikut mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat perniagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc. Sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.